

18/04/19-31MST

U-GB 18-04 00197 BR159

AAB

Mahathir

MAHATHIR PUAS HATI DENGAN HASIL LAWATAN KE INDO-CHINA  
dapipada Abdul Rahman Sulaiman

T

VIENTIANE, 18 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa puas hati terhadap hasil lawatannya ke Kemboja dan Laos baru-baru ini, dengan menyatakan beliau telah berjaya menjalin "hubungan peribadi yang baik" dengan pemimpin-pemimpin kedua-dua negara bekas Indo-China itu.

Perdana Menteri berkata, perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara itu adalah berhasil, dan telah mengenal pasti beberapa bidang kerjasama bagi faedah bersama.

Semasa bercakap pada persidangan akhbar di sini sejurus sebelum berlepas pulang selepas lawatan itu, beliau berkata sekarang ini prospek adalah lebih baik bagi meningkatkan perdagangan antara Malaysia dan kedua-dua negara itu serta pelaburan Malaysia di sini dan di Kemboja.

Katanya, beliau yakin mulai sekarang akan terdapat lebih banyak pertukaran lawatan antara pegawai-pegawai dan ahli-ahli perniagaan Malaysia ke kedua-dua negara itu, hasil lawatannya itu.

Semasa berada di sini selama tiga hari, Perdana Menteri yang diiringi 23 anggota rasmi delegasi termasuk isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan 69 ahli perniagaan Malaysia, mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Laos, Khamtay Siphandone. -- Lagi.

18/04/19-28MST

CNS5998

U-GB 18-04 00137 BR160

AAB

Mahathir 2 Vientiane

Beliau berjanji akan terus membantu Laos dalam usaha pembangunannya dalam konteks kerjasama serantau dan Selatan-Selatan.

Mereka juga berikrar untuk meneruskan kerjasama antara satu sama lain bagi faedah bersama kedua-dua negara.

Dua dokumen penting yang akan terus meningkatkan pelaburan dan perdagangan kedua-dua negara juga ditandatangani semasa lawatan itu.

Yang pertama ialah Perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala antara Bank Negara Malaysia dan State Bank Laos. Perjanjian berkenaan bersama-sama dengan perjanjian lain yang ditandatangani sebelum itu dijangka meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Dokumen lain yang ditandatangani ialah Memorandum Persefahaman antara Tenaga Nasional Berhad dan Lembaga Elektrik Laos, Electricite Du Laos bagi mewujudkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang penjanaaan kuasa, penghantaran, pengagihan, sistem operasi, perlindungan, pengurusan, pembangunan organisasi dan latihan. -- Lagi.

18/04/19-44MST

CNS6044

U GB 18-04 00138 BR162

AAB

(Ulangan membetulkan para 5)  
Mahathir 3 Vientiane

Kedua-dua organisasi itu terlibat secara aktif dalam usaha meningkatkan lagi pembangunan industri tenaga elektrik yang merupakan asas pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup di kedua-dua Laos dan Malaysia.

Perdana Menteri berkata untuk memudahkan kunjungan antara rakyat kedua-dua negara, kerajaan akan mengkaji kemungkinan Penerbangan Malaysia mengadakan penerbangan ke ibu negara Laos ini.

Kedua-dua negara telah menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara tetapi belum melaksanakannya.

Pagi ini Dr Mahathir dan anggota delegasinya melawat Jambatan Persahabatan yang menghubungkan Laos dan Thailand di Sungai Mekong.

Katanya, jambatan yang baru siap itu yang dibina dengan bantuan Australia berharga A\$40 juta, boleh merupakan penghubung penting bagi Laos dengan negara-negara Asia Tenggara lain, yang akan merapatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi di rantau ini. -- Lagi.

▼18/04/20-24MST.

CNS6057

U GB 18-04 00129 BB163

AAB

Mahathir 4 (Akhir) Vientiane

Beliau menjangkakan lebih banyak pergerakan barangan dan rakyat di kalangan negara-negara terbabit apabila jambatan itu dibuka hujung bulan ini, Lebuhraya Utara-Selatan di Malaysia yang telah siap, pembinaan laluan kedua dengan Singapura, meningkatkan taraf lebuhraya di Thailand dan pembinaan rangkaian jalan raya utama di Laos, Kemboja dan Vietnam.

Semasa di Kemboja dari 14 hingga 16 April, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh dan Perdana Menteri kedua negara itu, Hun Sen.

Kedua-dua negara bersetuju untuk memubuhkan Suruhanjaya Bersama bagi terus meningkatkan kerjasama dua hala.

Bank Pusat kedua-dua negara juga dalam peringkat perbincangan akhir bagi menandatangani Perjanjian Peraturan Pembayaran dua hala untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan. -- Bernama.

ARES AZ.

▼18/04/20-38MST